

JAWAPAN

Unit
15

Hak Asasi Manusia Dilindungi Bersama

Modul PBD

1. Hak wanita

- Hak untuk mendapat pendidikan.
- Hak untuk mendapat pekerjaan.
- Hak untuk mendapat peluang kenaikan pangkat.
- Hak untuk mendapat perlindungan.
- Hak untuk bersuara.

Hak pengguna

- Hak untuk mendapat keperluan asas.
- Hak untuk mendapat barang dan perkhidmatan yang selamat.
- Hak untuk mendapat maklumat.
- Hak untuk menyuarakan pendapat.
- Hak untuk membuat pilihan.

Hak orang kurang upaya

- Hak untuk dihormati.
- Hak untuk menikmati kehidupan yang normal.
- Hak untuk menjalani kehidupan tanpa sebarang diskriminasi.
- Hak untuk mendapat sokongan yang diperlukan untuk berdikari.
- Hak untuk mendapat peluang yang sama.

Hak pekerja

- Hak untuk mendapat perlindungan dan keselamatan.
- Hak untuk berpersatuan.
- Hak untuk mendapat cuti.
- Hak untuk mendapat upah dan gaji.
- Hak untuk mendapat rawatan apabila berlaku kemalangan di tempat kerja.

2. (a) Golongan wanita

- Mengelakkan wanita daripada dianiaya.
- Memberikan laluan dan memudahkan kaum wanita membangunkan potensi diri.
- Membantu wanita untuk hidup berdikari.

(b) Golongan pengguna

- Melindungi pengguna daripada menjadi mangsa eksloitasi pengeluar.
- Melindungi pengguna daripada bahaya yang boleh mengancam keselamatan dan kesihatan.

(c) Golongan orang kurang upaya

- Mengelakkan golongan OKU terpinggir daripada masyarakat.

- Menaikkan semangat mereka.
- Memberikan peluang untuk mereka menunjukkan bakat tanpa rasa rendah diri.

(d) Golongan pekerja

- Membolehkan pekerja mendapat gaji dan kemudahan yang setimpal dengan pekerjaan.
- Menggalakkan pekerja untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh.
- Memastikan kebaikan pekerja terpelihara dan terjaga dengan baik.

3. (a) Memberikan perlindungan kepada wanita dan gadis yang terlibat dalam kegiatan maksiat.

- (b) Melindungi pengguna daripada diskriminasi dan penganiayaan pihak pengeluar.
- (c) Melindungi hak-hak OKU.
- (d) Melindungi hak pekerja daripada diskriminasi dan penganiayaan pihak majikan.

4. (a) Badan bukan kerajaan: Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO).

Sumbangan: Berjuang untuk hak wanita, khususnya keganasan terhadap wanita.

- (b) Badan bukan kerajaan: Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).

Sumbangan: Berusaha memperjuangkan hak pengguna di Malaysia.

- (c) Badan bukan kerajaan: Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD).

Sumbangan: Menyediakan program pembangunan komuniti dan khidmat kaunseling untuk orang pekak.

- (d) Badan bukan kerajaan: Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Sumbangan: Membela nasib pekerja dalam isu seperti penyalaran gaji, pampasan, dan pemecatan pekerja tanpa sebab yang munasabah.

5. (a) Gembira kerana hak dilindungi dan selesa apabila berurusan.

- (b) (i) Golongan ini akan ditindas oleh masyarakat dan peniaga.

(ii) Mewujudkan suasana yang tidak adil.

(iii) Wanita tidak mendapat hak yang sepatutnya.

(iv) Boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati dan pergaduhan serta penindasan.

- (c) (i) Tidak menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan untuk golongan kurang upaya.

(ii) Memberikan bantuan kepada golongan kurang upaya.

(iii) Melaporkan sebarang perbuatan yang melanggar hak golongan kurang upaya kepada pihak berkuasa.

- (d) (i) Hak untuk mendapat keperluan asas, barang, dan perkhidmatan.

(ii) Hak untuk mendapatkan maklumat dan membuat pilihan serta menyuarakan pendapat.

- (iii) Hak untuk mendapatkan ganti rugi dan maklumat yang tepat.

Power KBAT

1. (i) Fasal 5: Kebebasan individu.
- (ii) Fasal 6: Larangan perhambaan dan buruh paksa.
- (iii) Fasal 8: Kesamarataaan.

- (iv) Fasal 9: Larangan buang negara dan kebebasan bergerak.
- (v) Fasal 10: Kebebasan bersuara, berhimpun dan berpesatuan.
- (vi) Fasal 11: Kebebasan beragama.

2. (Terima jawapan murid yang sesuai)